

KUTKM kini mula beroperasi

Archival News | Utusan Malaysia | 06/02/2005

MELAKA 5 Feb. - Kampus tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Durian Tunggal di sini telah memulakan operasinya setelah pembangunan fasa pertama dan kedua siap sepenuhnya pada hujung tahun lepas, kata Rektor KUTKM Profesor, Datuk Ismail Hassan.

Beliau berkata, buat permulaan kampus induk KUTKM yang dibina di kawasan seluas 290 hektar itu menempatkan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE).

Pelajar FKEKK menurut beliau, telah berpindah ke kampus baru itu pada 22 November tahun lepas sementara pelajar FKE dijadual berbuat demikian pada bulan depan.

"Dalam skop pembangunan kampus di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) hanya bangunan untuk dua fakulti tersebut yang siap manakala pembangunan seterusnya akan dibuat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) iaitu mulai tahun 2006.

"Kita menjangkakan seluruh kampus induk KUTKM siap dalam tahun 2007," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Rektor KUTKM 2005 di Dewan Seri Negeri di sini hari ini.

Ismail berkata, selain kampus induk, mulai tahun ini juga KUTKM akan mempunyai sebuah kampus bandar di bangunan Kompleks Yayasan Melaka yang akan menempatkan beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK).

IPTK jelas beliau, akan mengendalikan program sarjana dan kedoktoran sementara Pusat Pembangunan Keusahawanan akan menganjurkan program latihan pembangunan usahawan dan pembangunan produk hasil penyelidikan yang dijalankan oleh pihak universiti.

"PTJ lain yang akan ditempatkan di kampus bandar termasuk Pusat Universiti Industri, Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi, Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran dan Penerbitan Universiti," jelasnya.

Tambah beliau, bagi mengaktifkan lagi kampus bandar, kursus-kursus profesional dan eksekutif jangka pendek juga akan ditawarkan termasuk kursus kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kursus bahasa, motivasi dan bina sahsiah.

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail berkata, pihak KUTKM juga bercadang menjadikan kawasan yang disewa di Cubic Electronic Sdn. Bhd. (CESB) sebagai kampus industri.


"Kajian sedang dibuat sama ada boleh dipindahkan semua bahagian

kampus yang sekarang berada di Taman Tasik Utama ke bangunan CESB, kecuali Kompleks Makmal di mana kita bercadang untuk membeli terus,"' jelasnya.

Pihak CESB menurut beliau, telah bersetuju pada dasarnya untuk menyewakan keseluruhan ruang yang ada serta bersedia untuk membangunkan ruang tambahan sekiranya perlu untuk kegunaan KUTKM.

Beliau berkata, kampus industri akan menempatkan pejabat Canselor, Pendaftar, Bendahari, Perpustakaan, Hal Ehwal Pelajar, Pembangunan, Pusat Komputer dan beberapa fakulti lain mulai pertengahan tahun ini hingga kampus induk siap sepenuhnya pada 2007.

(Source : Utusan Malaysia)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA